

17 APR 1998

## LIKOM MELAKA RAMAL JUALAN RM1.0 BILION TAHUN INI

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Di tengah-tengah keputusan tidak memberangsangkan yang dicatatkan oleh syarikat-syarikat tempatan kebelakangan ini, apa yang telah dicapai dan diramalkan oleh Kumpulan Syarikat Likom adalah sebaliknya.

Dalam semangat "Malaysia Boleh", pengeluar perkakasan komputer yang dibuat daripada plastik serta logam yang berpangkalan di Melaka itu menetapkan unjuran jualan bernilai RM1 bilion tahun ini selepas meraih perolehan membanggakan sebanyak RM860 tahun lalu.

"Kami yakin terhadap sasaran jualan kami berikutan peningkatan perjanjian yang dimeterai setakat ini dan jumlah permintaan yang sedang diterima," kata Shu Tek Hong, naib presiden kanan Likom Technology Sdn Bhd, syarikat yang mengeluarkan skrin komputer resolusi tinggi di bawah konsep Pengeluar Reka Bentuk Asli dalam Likom Group.

Kumpulan tempatan itu, yang merupakan sebahagian daripada anggota Lion Group, memulakan operasinya pada 1992. Selain monitor, ia juga mengeluarkan perlbagai perkakas seperti badan komputer dan alat-alat peracuan logam. Ia juga mengeluarkan papan litar bercetak, pengimbas komputer, papan kekunci dan bahagian-bahagian rangka komputer.

Likom, yang mempamerkan produknya di sebuah hotel di Hannover, Jerman ketika Pameran Perdagangan Telekomunikasi dan CeBitt IT, telah menerima banyak pertanyaan dan tempahan jualan terutama bagi skrin yang dipamerkan.

Likom mempamerkan beberapa model termasuk skrin monitor berukuran 17 inci yang direka oleh jurutera tempatannya sendiri dan dikeluarkan di kilang Pengeluaran bersepadunya yang terletak di tapak seluas 37.2 hektar (92 ekar) di Cheng, Melaka.

Apabila ditanya mengapa Likom tidak mengambil bahagian dalam kawasan pameran itu sendiri, Shu menjelaskan kumpulan itu mahu memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pelanggan berpotensi dan merasakan ruangan di hotel itu lebih lebih sesuai.

"Kami telah mengambil bahagian dalam pameran CeBit sebelum ini. Tetapi kami tidak mahu bakal-bakal pelanggan kami diganggu oleh keadaan yang bising serta perkara-perkara lain. Dalam suasana yang lebih aman dan bersesuaian kami dan pelanggan kami boleh berbincang dan berunding untuk mencapai satu keputusan yang memuaskan kedua-dua pihak. Kami juga mengambil pendekatan yang sama ketika pameran Comdex IT di Las Vegas," katanya dalam satu temubual.

Shu, apabila ditanya bagaimana kumpulan itu boleh mengeluarkan monitor komputer yang terbaru itu berkata, "Ianya berkaitan dengan R&D kami. Kami memberikan penekanan sepenuhnya kepada perkara itu. Kami telah merumuskan bahawa dalam aliran seterusnya, kami akan menumpukan kepada mengeluarkan produk yang terbaik."

Menurutnya, apabila Likom mengeluarkan produk bagi pasaran dunia, perkara yang paling penting diambil berat adalah kualiti.

Shu berkata kakitangan Likom di tujuh kilangnya di Melaka serta yang terletak di luar negara telah diberi peringatan bahawa mereka mengeluarkan produk bagi pengguna seluruh dunia dan bukan hanya untuk pasaran tempatan.

"Kami mahu dikenali sebagai penyedia produk dan perkhidmatan IT pilihan. Untuk bersaing dengan pengeluar-pengeluar lain di seluruh dunia, kami mesti mempunyai kualiti dan kelebihan kos yang kompetitif," katanya.

Shu berkata Likom, yang mempunyai tujuh kilang di Melaka, bergantung harap kepada perkembangan Internet untuk menggalakkan permintaan bagi

produknya.

Beliau menambah, "dengan lebih ramai orang tertumpu kepada Internet dan apabila Internet menjadi lebih menarik, sudah pasti akan terdapat banyak permintaan bagi produk yang boleh memberi perkhidmatan terbaik bagi pengguna."

Hsu berkata tinjauan masa depan bagi Likom Group, yang juga mempunyai kilang pengeluaran di China dan Mexico, adalah sangat cerah kerana beberapa sebab. Pertama, ia mengeluarkan produk yang mendapat perhatian dalam pasaran dunia.

Kedua, penyusutan ringgit telah menjadikan produknya jauh lebih kompetitif dalam pasaran global.

"Kami bangga kerana berjaya menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengeksport lebih banyak produk bagi memberikan pertukaran asing bernilai untuk negara. Kami merasakan kami boleh melakukan yang terbaik di masa hadapan kerana kami mempunyai produk bermutu bagi pasaran." -- BERNAMA

SHY ZK OS